

³⁴⁷
SOALAN NO. 351

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN:

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah pemegang kad OKU seluruh negara nisbah kepada jumlah yang menerima bantuan JKM, nisbah juga OKU yang berada di pasaran pekerjaan dan tercicir dalam pendidikan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Pendaftaran Orang Kurang Upaya dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabaran Kebajikan Masyarakat menurut Akta OKU 2008.

Sehingga Jun 2016, berdasarkan Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) seramai **389,417** OKU telah didaftarkan sebagai OKU dan Kad OKU telah dikeluarkan kepada mereka. Jumlah penerima bantuan JKM sehingga Jun 2016 adalah seramai **483,271** yang merangkumi pelbagai kumpulan sasar termasuk kanak-kanak, OKU, keluarga dan warga emas. Golongan OKU yang menerima bantuan adalah seramai **183,282** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM297,332,881.00**. Ini menunjukkan bahawa nisbah OKU berdaftar yang menerima bantuan kebajikan adalah **389,417 : 183,282** iaitu bagi setiap 100 OKU berdaftar, 47 adalah penerima bantuan JKM.

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan OKU yang berada dalam pasaran pekerjaan boleh dibahagi kepada 3 kategori iaitu bekerja di sektor awam, bekerja di sektor swasta dan bekerja sendiri. Berdasarkan data Jabatan Perkhidmatan Awam, OKU yang bekerja di sektor awam sehingga Jun 2016 adalah seramai 3,446 orang iaitu sebanyak 0.23 peratus. Manakala OKU yang menerima Elaun Pekerja Cacat (EPC) iaitu insentif kepada OKU yang berpendapatan kurang daripada RM1,200.00 sebulan adalah seramai 75,999 orang. Ini bermaksud sekurang-kurangnya seramai 79,445 masih bekerja sama ada di sektor awam, swasta atau bekerja sendiri. Maka, nisbah jumlah OKU berdaftar dengan jumlah OKU bekerja adalah 389,417 : 79,445 iaitu bagi setiap 100 OKU berdaftar, 20 orang sedang bekerja.